

Headline	TNB modenkan persekitaran IT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	96 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,745		



# TNB modenkan persekitaran IT

**KUALA LUMPUR 12 Okt.** - Tenaga Nasional Bhd. (TNB), memulakan transformasi teknologi maklumatnya (IT) untuk modenkan persekitaran sedia ada berdasarkan sumber terbuka penyelesaian Red Hat.

TNB sebelum ini menggunakan teknologi berasaskan sistem proprietari UNIX dan platform baharu Red Hat itu akan menawarkan syarikat alat-alat untuk mewujudkan platform infrastruktur yang stabil, lebih terjamin dan berupaya menangani cabaran-cabaran hari ini, fleksibiliti menyesuaikan dengan keperluan masa hadapan.

Pengurus Besar Pusat Data TNB, Nasrin Abg Omar berkata, TNB mengendalikan bilangan beban kerja yang



besar setiap hari dan perlu modenkan persekitaran IT dengan memilih Red Hat untuk membantu syarikat menambah baik peningkatan automasi, berskala, ketangkasan dan sekuriti.

“Model langganan Red Hat dan penyelesaian sumber terbuka yang ditawarkan bukan sahaja menawarkan kami kelebihan-kelebihan ini, tetapi ia juga membantu syarikat membuat pembaharuan yang berinovasi serta meningkatkan pengalaman pelanggan kami,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.